

31/10/2013 - Sinar Harian

# ATM A beraksi cemerlang



*Berjaya juarai Kejohanan Memanah Terbuka Unisza Sirkuit I Kebangsaan*

**ZUBIR SULAIMAN**

**KUALA TERENGGANU** – Pasukan memanah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) A beraksi cemerlang dengan menggondol kejuaraan dalam Kejohanan Memanah Terbuka Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Sirkuit I Kebangsaan, dekat sini.

Naib juara menjadi milik pasukan MAS Nadi Achery, manakala tuan rumah, Unisza sekadar berpuas hati dengan meraih tempat ketiga.

Kejohanan selama lima hari di Lapang Sasar Memanah Pusat Sukan Unisza, Kampus Induk Gong Badak bermula 23 Oktober lalu itu, menarik lebih 300 penyertaan pemanah dari seluruh negara termasuk empat pasukan dari Indonesia dan

satu pasukan dari Thailand.

Selaku juara keseluruhan, pasukan ATM A berjaya membawa pulang RM3,000, Mas Nadi Achery RM2,000 dan Unisza RM1,000, bersama medal serta piala iringan.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi Unisza, Riduan Mohamed Raof. Hadir sama, Naib Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan, Paul Leong dan Ketua Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri, Zulkifli Muhammad.

Ketua jurulatih pasukan ATM, Marzuki Zakaria berkata, beliau amat puas hati dengan pencapaian anak buahnya yang mempamerkan aksi cemerlang sekali gus meraih tiga pingat emas.

Menurutnya, saingan di-

terima amat sengit dalam setiap kategori termasuk peserta dari tuan rumah menyebabkan taburan kutipan pingat tidak didominasi sesebuah pasukan.

“Kami menyasarkan mengutip seberapa banyak pingat emas terutama dalam sirkuit kebangsaan seumpama ini.

“Malah, ia juga merupakan medan pemanas badan terakhir buat dua atlet 'compound' kami, Nor Rizah Ishak dan Zaki Mahzan menjelang Sukan Sea 2014 sebelum mereka menyertai latihan intensif di Bukit Jalil bersama skuad kebangsaan,” katanya sejeurus tamat perlawanan akhir.

Sementara itu, ketua jurulatih Unisza, Abd Razak Yaacob mengakui gementar dihadapi atletnya terutama atlet wanita pada pusingan akhir, menjadi



**Pemenang Kejohanan Memanah Terbuka Unisza Sirkuit I Kebangsaan merakam kenangan selepas majlis penyampaian hadiah di Lapang Sasar Memanah Pusat Sukan Unisza, Kampus Induk Gong Badak.**

punca mereka gagal mencapai sasaran awal selaku juara.

Bagaimanapun, beliau tetap berpuas hati apabila meraih tempat ketiga kerana jika di-

nilai dari segi prestasi, mereka berjaya melayakkan diri dalam setiap perlawanan akhir.

“Bagi saya, ia sudah cukup baik kerana mampu memberi

saingan kepada peserta skuad kebangsaan. Namun, kita akan berusaha untuk memperkemaskan lagi mana-mana kekurangan,” katanya.